

# **PELANCARAN SUKAN WOODBALL**

Pada 19 dan 20 Mac 2009, UniMAP telah menganjurkan satu kursus dan seterusnya Majlis Perasmian Sukan Woodball kepada seluruh warga UniMAP dan rakyat negeri Perlis. Bertempat di Dataran Datuk Sheikh Ahmad, Kangar, Perlis, satu majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuanku Canselor UniMAP DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan diiringi oleh YAB Dato' Seri Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis, keutamaan negeri lain dan Y.Bhg Brig. Jen. Dato Prof. Dr Kamaruddin Hussin, Naib Canselor UniMAP. DYTM Tuanku Canselor UniMAP juga berkenan untuk menyampaikan Mellot (Alatan Woodball ) kepada ketua-ketua jabatan kerajaan di

negeri Perlis. Program ini adalah anjuran UniMAP dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

UniMAP telah diberi penghormatan sebagai peneraju di dalam sukan woodball ini bagi negeri Perlis dan ikon bagi permainan ini. Tujuan diadakan permainan ini adalah kerana permainan Woodball ini masih asing lagi di kalangan warga negeri Perlis. Kehadiran penonton dan juga tetamu pada majlis ini amatlah mengalakkan di mana hampir mencecah 1000 orang bagi menonton demonstrasi serta acara sampingan yang disediakan seperti pertunjukan Martial Art dari Canada dan juga senaman Chigong oleh Master Yap Canada Association.